



# Kempen Pemilikan Rumah dijangka sampai akhir tahun

## Permohonan lanjutan sudah diserahkan kepada Kementerian Kewangan

**Kuala Lumpur:** Kerajaan sedang meneliti untuk melanjutkan Kempen Pemilikan Rumah (HOC) hingga hujung tahun ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Zuraida Kamaruddin, berkata beliau sudah memohon kepada Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz untuk melanjutkan kempen itu.

"Bagaimanapun, Kementerian Kewangan mungkin mengkaji semula syaratnya dan akan sedikit berbeza daripada sedia ada," katanya selepas menghadiri majlis *Malaysia's Best Managed and Sustainable Property Award 2021* di sini.

BERNAMA melaporkan, HOC 2020 dilaksanakan dengan pengecualian duti setem dan potongan diskaun 10 peratus diberikan kepada pemohon yang layak untuk

membeli rumah RM300,000 hingga RM2.5 juta.

Zuraida berkata, sehingga 28 Februari lalu, 34,354 unit rumah dengan nilai RM25.6 bilion berjaya dijual bagi kempen HOC 2020-2021 dengan nilai diskaun diberikan sebanyak RM4.3 bilion.

Pada 30 Mac lalu, Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) berharap kerajaan melanjutkan HOC hingga akhir tahun ini bagi meneruskan momentum positif jualan rumah.

Kempen berkenaan dilancarkan pada Januari 2019 dan sepatutnya berakhir pada 30 Jun tahun sama, namun disebabkan permintaan yang menggalakkan, kerajaan meluluskan permintaan REHDA untuk melanjutkan tempoh HOC selama enam bulan hingga 31 Disember 2019.

Enam bulan kemudian, HOC diperkenalkan semula susulan penularan COVID-19 dan kini berlangsung dari 1 Jun 2020 sehingga 31 Mei 2021.

Presiden REHDA, Datuk Soam Heng Choon sebelum ini dilaporkan berkata, bagi tempoh kempen HOC antara 1 Jun 2020 hingga 28 Februari 2021, sebanyak 34,354 unit rumah bernilai kira-kira RM25.65 bilion sudah terjual, membabitkan 78 peratus

atau RM20.11 bilion rumah masih dalam pembinaan dan 22 peratus atau bernilai RM5.54 bilion rumah siap.

Katanya, pasaran lembab antara Januari hingga Februari 2021 sejurus kerajaan mengarahkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 susulan peningkatan kes COVID-19.

Jualan tertinggi membabitkan kediaman jenis apartmen servis, iaitu 36 peratus daripada semua jenis kediaman, diikuti teres dua tingkat sebanyak 29 peratus dan

kondominium atau pangsapuri sebanyak 19 peratus.

Kategori harga yang terjual pula 37 peratus daripadanya bernilai antara RM500,000 hingga RM750,000; 26 peratus (antara RM300,000 hingga RM500,000) dan 19 peratus (antara RM750,000 hingga RM1 juta).

Heng Choon juga dipetik berkata, berdasarkan tinjauan pendapat yang dilakukan, majoriti atau 89 peratus responden dalam kalangan penggiat industri memperoleh penjualan mereka melalui HOC.

Selain itu, katanya, REHDA meletakkan harapan supaya sempadan negeri dibuka semula bagi merancakkan lagi sektor hartanah dan perumahan tempatan kerana suatu ketika, PKP menyebabkan galeri jualan tidak dapat dibuka dan pameran rumah juga tidak dapat dilaksanakan sedangkan itu antara tarikan untuk pembeli berpotensi membuat keputusan membeli rumah.

Mengenai jualan unit komersial pula, keputusan kerajaan terus menggalakkan dasar bekerja sari rumah menyebabkan permintaan hartanah demikian juga mendapat impak, sekali gus trend pemaju kini adalah menyediakan lot komersial di kawasan bawah kediaman bertingkat.

“Bagaimanapun, Kementerian Kewangan mungkin mengkaji semula syaratnya dan akan sedikit berbeza daripada yang sedia ada”

**Zuraida Kamaruddin,**  
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

